



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 40
Bil. 8

10 April 1997

TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN

K. P.U. 6 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL KEBERSIHAN AWAM
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1995

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 73 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kulim dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

Akta 171.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam (Majlis Daerah Kulim) 1995 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kulim dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam Warta

Nama,
pemakaian dan
mula berkuat-
kuasa.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“bekas penyimpan sampah sarap awam” ertinya bekas sampah sarap yang disediakan oleh Majlis untuk tujuan meletakkan sampah sarap oleh pekerja Majlis;

“bekas penyimpan sampah-sarap premis” ertinya bekas penyimpan sampah sarap yang disediakan oleh pemunya atau penghuni sesebuah bangunan untuk tujuan meletakkan sampah sarap tempat kediaman;

"jalan awam" ertinya mana-mana jalan yang di atasnya orang ramai ada hak lalu yang biasanya dibajiki atau disenggara oleh Majlis atau yang telah dipindahkan kepada atau yang telah diletakkan hak kepadaanya di bawah mana-mana undang-undang atau dengan apa-apa cara lain;

"kemudahan awam" ertinya tandas-tandas, tandas kencing, tandas tarik, tempat basuh tangan, tangki air, tempat mandi sebagaimana diisyiharkan oleh Majlis dari masa ke semasa;

"lebuh" termasuklah sesuatu jalan, medan, siarkaki, jalan lalu atau jalan susur, sama ada jalan tembus atau tidak, di atas mana orang ramai berhak lalu dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siarkaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak, dan semua saluran, parit dan longkang di sisi mana-mana lebuh hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada lebuh itu;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kulim;

"premis" termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen isamen dan heridetamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung; sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada yang awam atau persendirian dan sama ada disenggara atau tidak di bawah Pihak Berkuasa Berkanun;

"siarkaki" termasuklah kaki lima dan beranda di tepi-tepi jalan;

"sampah sarap kandang" ertinya najis atau air kencing kuda, lembu-kerbau, kambing biri-biri, kambing atau babi dan benda-benda sapuan atau sampah sarap atau saliran dari mana-mana kandang, kandang lembu-kerbau atau tempat-tempat memelihara kambing biri-biri, kambing, babi atau ayam itik atau mana-mana binatang lain;

"sampah sarap kebun" ertinya sampah sarap daripada kebun dan aktiviti pertanian;

"sampah sarap tred" ertinya sampah sarap sesuatu tred, pembuatan atau perniagaan atau sampah sarap daripada kendalian bangunan;

"sampah sarap premis" ertinya sampah sarap yang terjadi akibat dari aktiviti premis dan tidak termasuk sampah sarap tred, sampah sarap kebun atau sampah sarap kandang;

"tempat awam" hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang diertikan di bawah seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim.

3. Tiada sampah sarap premis boleh diletak di atas lebuh, jalan atau tempat awam kecuali mengikut cara yang diperuntukkan selepas daripada ini.
4. (a) Setiap penghuni mana-mana premis hendaklah mengadakan sebilangan yang cukup akan bekas sampah sarap yang bertutup, untuk menyimpan sampah sarap premis. Bekas ini hendaklah diperbuat dari bahan-bahan dan mengikut saiz sebagaimana yang ditentukan dan diluluskan oleh Yang Dipertua.
- (b) Semua sampah sarap premis yang terlebih dahulu diisikan ke dalam karung plastik dan diikatkan dengan sempurna, hendaklah diletakkan ke dalam bekas sampah sarap dan bekas ini hendaklah diletak, sama ada di sisi premis atau di tepi kaki lima atau di pintu pagar premis atau di suatu tempat yang sesuai atau di ruang sampah sarap seperti yang dikehendaki oleh Majlis supaya ianya boleh dikosongkan oleh pekerja Majlis. Di mana saluran sampah sarap dibekalkan, sampah sarap itu hendaklah diletakkan ke dalam saluran itu.
5. Majlis boleh menghendaki tuan punya mana-mana bangunan yang lebih dari satu tingkat menyediakan dengan secukupnya saluran sampah sarap, alat dan ruang untuk sampah sarap yang sesuai ukurannya.
6. Majlis boleh menyebabkan diadakan di tempat yang sesuai dan selesa seberapa banyak bekas sampah sarap awam yang boleh dialih atau yang kekal di mana di dalamnya debu, kotoran, abu dan sampah yang dipungut oleh kenderaan daripada bekas sampah sarap premis boleh diletak secara sementara.
7. Tiada seorang pun yang diberi kebenaran boleh mencakar atau menggali di dalam atau mengalih apa-apa daripada atau menumpah atau menyelerakkan atau membiarkan terdedah apa-apa kandungan dari mana-mana bekas sampah sarap awam, kenderaan sampah Majlis atau mana-mana bekas sampah sarap premis yang diletak di mana-mana beranda atau mana-mana muka pintu atau pintu pagar atau di mana-mana lebuh atau jalan belakang.
8. Tiada sesiapa pun boleh meletakkan apa-apa najis, tahi atau sampah sarap kebun atau sampah sarap kandang atau bangkai atau mayat di dalam bekas sampah sarap premis atau awam.
9. Majlis boleh pada bila-bila masa mengenakan untuk semua premis di dalam sesuatu kawasan atau kawasan-kawasan yang dari masa ke semasa dinyatakan olehnya untuk tujuan ini mana-mana sistem yang difikirkan munasabah olehnya untuk memungut dan mengalih oleh Majlis, najis, debu, kotoran, abu, sampah sarap, sisa-sisa dan lain-lain sampah sarap dari premis-premis ini dan boleh menentukan bayaran-bayaran yang dikenakan berkaitan dengan pungutan dan pengalihan itu.
10. Tiada sesiapa pun yang tidak diberi kebenaran boleh mencakar atau menggali di dalam atau mengalih apa-apa sahaja benda dari sampah sarap yang diletakkan di dalam mana-mana tempat membuang sampah Majlis.

Meletak sampah sarap di atas lebuh.

Bekas sampah sarap premis.

Saluran sampah sarap.

Bekas sampah sarap awam.

Menggali dari bekas sampah sarap.

Sampah sarap yang dilarang.

Sistem pengalihan.

Menggali tempat membuang sampah Majlis.

Mengguna
tempat mem-
buang sampah
Majlis.

11. Tiada sesiapa pun yang tidak diberi kebenaran boleh meletakkan apa-apa di dalam atau di atas mana-mana tempat membuang sampah Majlis.

Pembenaran
sungai dll.

12. Tiada sesiapa pun boleh merendam atau membasuh atau membenarkan pekerjaan atau anggota rumahnya di bawah kawalannya merendam atau membasuh di dalam mana-mana sungai, terusan, tangki awam, longkang, parit atau anak sungai, mana-mana kulit haiwan, pakaian yang bercelup atau lain-lain bahan yang berkemungkinan menjadikan air sungai, terusan, tangki awam, longkang, parit atau anak sungai itu, berbau busuk atau merbahaya dan tiada sesiapa pun boleh tanpa kebenaran Yang Dipertua secara bertulis membiarkan mana-mana air di dalamnya kulit binatang, pakaian yang bercelup atau benda-benda lain yang telah direndam atau dibasuh, mengalir atau menyalur ke dalam mana-mana sungai, terusan, tangki awam, longkang, parit atau anak sungai.

Pengawaran.

13. Tiada sesiapa pun boleh meletakkan atau membenarkan pekerja atau anggota rumahnya di bawah kawalannya meletakkan mana-mana tanah, habuk kayu, najis, air kencing, sampah sarap kebun, sampah sarap kandang, sampah sarap tred, kotoran atau apa-apa jenis bahan di atas mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang, ke dalam mana-mana longkang atau ke dalam atau ke atas mana-mana kawasan lapang atau tanah di mana orang awam boleh melaluinya atau ke dalam atau ke atas tebing mana-mana sungai, terusan, anak sungai atau ke dalam atau ke atas mana-mana tepian pantai.

Tumpahan.

14. Tiada sesiapa pun boleh menumpahkan atau menyebabkan ditumpah atau membenarkan pekerjaan menumpahkan apa-apa tanah, pasir, batu, kotoran atau apa-apa benda ke atas mana-mana lebuh dari mana-mana bahagian sesuatu kenderaan di bawah kawalannya.

Anggapan
undang-undang.

15. Bagi maksud Undang-undang Kecil ini tuan punya atau penghuni premis atau majikan di dalam hal pekerja atau tuan punya di dalam hal kenderaan hendaklah dianggap sebagai telah membenarkan atau menyebabkan melakukan kesalahan jika kesalahan-kesalahan itu adalah dilakukan oleh pekerja atau ahli rumahnya di bawah kawalannya atau oleh kenderaannya.

Halangan parit,
kecua ganggu
dll.

16. (1) Tiada sesiapa pun boleh menghalang mana-mana parit awam atau membina apa-apa tangga, jambatan atau titian merintangi mana-mana parit awam, kali atau terusan tanpa kebenaran bertulis dari Majlis dan mengikut arahan Majlis.

- (2) Tiada sesiapa pun boleh melakukan kacau ganggu dengan membuang najisnya di atas pada mana-mana lebuh, lorong belakang, siarkaki, arked atau pada mana-mana tanah atau kawasan lapang di mana orang awam boleh melaluinya atau ke dalam atau pada tebing mana-mana sungai, terusan, parit, tepian pantai atau anak sungai atau membenarkan mana-mana kanak-kanak di bawah umur 12 tahun di bawah jagaannya atau kawalannya melakukan kacau ganggu tersebut.

(3) Bagi maksud perenggan (2) Undang-undang Kecil ini seseorang yang mempunyai jagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak itu hendaklah dianggap telah membenarkan kanak-kanak tersebut melakukan kesalahan berkenaan bila mana kanak-kanak tersebut melakukan kesalahan itu.

17. Tiada sesiapa pun boleh meramandu mana-mana kenderaan yang membawa batu, bahan yang berat, tanah, batu-bata atau apa-apa bahan yang lain tanpa penjagaan yang sempurna terhadap benda-benda itu dari jatuh ke atas lebuh.

Muatkan hendak-lebuh dijaga dengan sempurna.

18. Setiap tuan punya atau penghuni di dalam kawasan di mana tanah atau premisnya terdapat mana-mana binatang yang mati hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri dalam masa empat jam selepas kematiannya atau jika kematiian berlaku pada malam hari dalam masa empat jam selepas siang, mengalih dan menanam bangkai itu atau mengaturkannya untuk Majlis membuangkannya dan mana-mana perbelanjaan bagi maksud itu hendaklah diperolehi daripada tuan punya atau penghuni.

Pembuangan bangkai.

19. Tiada seorang pun boleh meletakkan atau menyebabkan diletakkan mana-mana mayat atau bangkai atau mana-mana bahagian mayat atau bangkai di atas mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong, belakang atau ke dalam mana-mana parit, sungai, atau anak sungai atau di tebing mana-mana sungai, anak sungai, atau terusan di dalam kawasan Majlis atau di tepi pantai.

Meletak mayat di atas lebuh dll.

20. Jika mana-mana rumah, tembok, beranda atau bahagian mana-mana rumah, pokok atau apa-apa jenis runtuhan di atas mana-mana jalan awam, tempat awam atau lorong belakang, pemunya premis itu hendaklah dengan serta-merta mengalih benda yang jatuh itu dan jika tuan punya mengabaikannya Majlis boleh mengalihkannya dan apa-apa perbelanjaan yang dibelanjakan kerana itu hendaklah dibayar oleh pemunya.

Pengalihan runtuhan.

21. Tiada sesiapa pun boleh meletakkan apa-apa tali, wayar, kertas tebal atau tiang merintangi mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang tanpa kebenaran dari Majlis.

Memasang tali DLL. di jalan awam.

22. Tiada seorang pun boleh di mana-mana lebuh atau lorong belakang bermain layang-layang.

Bermain layang-layang.

23. Penghuni atau jika tidak didiami, pemunya mana-mana tanah di mana di atasnya ada pagar pohon yang bersempadan mana-mana lebuh di dalam kawasan Majlis hendaklah menjaga pagar pohon itu dengan dipotong dan dipangkas supaya tidak menghalang lebuh dan di dalam keadaan di mana penghuni atau pemunya itu gagal mematuhi notis bertulis dari Majlis yang telah disampaikan kepadanya. Majlis boleh menyebabkan pagar pohon itu dipotong, dipangkas, dan dibuang potongan-potongan itu dan boleh menuntut perbelanjaan kerana itu dari penghuni atau pemunya.

Pagar pohon perlu dipotong.

24. Tiada sesiapa pun boleh membawa turun, mengganggu, meminda atau mengalih apa-apa notis, pagar sekatan, bar, rantai atau tiang atau memadamkan atau mengalih atau mengganggu mana-mana lampu yang

Alat keselamatan lebuh tidak boleh dialih.

diletak di mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang untuk tujuan keselamatan atau kesenangan awam untuk mencegah atau mengawal laluan orang berjalan kaki, basikal, kenderaan atau binatang, semasa mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang sedang atau memerlukan atau semasa apa-apa kerja lain sedang dijalankan oleh atau di bawah perintah Majlis.

Halangan.

25. Tiada sesiapa pun boleh di atas mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang atau mana-mana bahagiannya meletak atau meninggalkan apa-apa benda atau barang apa pun yang berkemungkinan menyebabkan penghalangan atau meletakkan mana-mana bidai, kajang atau lain-lain unjurian merintangi tanpa kebenaran bertulis dari Majlis dan bila mana kebenaran itu diberi alat-alat itu hendaklah dijaga dengan bersih, dalam keadaan baik dan dijaga dengan sempurnanya.

Kereta lembu dan kerbau.

26. Setiap pembawa yang dalam kawalannya sesebuah kereta lembu atau kerbau hendaklah membawa sebuah bakul dan dengan cara ini mengambil semua langkah yang munasabah menghalang peninggalan najis di atas jalan awam.

Menambah binatang.

27. Tiada sesiapa pun boleh menambat binatang atau meninggalkan apa-apa kereta atau membuat perkhemahan di atas mana-mana lebuh atau tempat awam tanpa kebenaran bertulis Majlis dan mengikut arahan-arahannya.

Benda-benda tidak boleh diletak di atas jalan awam.

28. Tiada sesiapa pun boleh dengan sendirinya atau ejennya atau pekerjanya meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa habuk kayu, ikan kering, sirip yu, beche-de-mer, tepung udang, belacan, buah pinang atau apa-apa barang lain yang berkemungkinan menyebabkan penghalangan di atas mana-mana lebuh, tempat awam, lorong belakang, kaki lima, arked, di atas mana-mana kawasan lapang di mana orang awam melaluinya atau ke dalam mana-mana parit. Mana-mana barang yang diletakkan sedemikian boleh dialih dan dimusnahkan oleh Majlis tanpa merujuknya kepada pemunya.

Benda-benda tidak boleh dijemur di atas jalan awam.

29. Tiada sesiapa pun boleh, dengan sendirinya atau ejennya atau pekerjanya menjemur atau menggantung atau meletak untuk tujuan menjemur apa-apa kain atau pakaian, perca kain, layar, kulit binatang, bulu burung, tulang-tulang, kayu api atau apa-apa benda lain di atas mana-mana pagar pohon, pagar susuran tangga, pagar di sekeliling dinding atau bangunan awam atau kepunyaan Majlis di atas tebing mana-mana sungai, terusan, parit atau longkang atau di atas mana-mana lebuh, terusan, kaki lima, jalan di tepi kedai atau lorong belakang atau di atas mana-mana tanah lapang di mana orang ramai dapat melaluinya.

Bangkai binatang.

30. Tiada bangkai dari apa-apa binatang boleh dipotong di atas mana-mana lebuh, tempat awam atau lorong belakang.

Pembinaan longkang di jalan awam dll.

31. Tiada sesiapa pun boleh membina apa-apa saluran atau membawa air melalui apa-apa saluran merintangi laluan awam kecuali dengan cara yang terlebih dahulu hendaklah diluluskan oleh Majlis secara bertulis dan tiada sesiapa pun boleh mengubah mana-mana kali awam atau anak sungai di dalam kawasan Majlis untuk tujuan apa-pun tanpa kebenaran bertulis oleh Majlis terlebih dahulu.

32. Tiada sesiapa pun boleh dengan sendirinya atau ejennya atau pekerjanya tanpa kebenaran bertulis Majlis, terlebih dahulu menampal apa-apa iklan, pelekat, notis atau apa-apa kertas pada atau di mana-mana bangunan, tembok, pagar susuran tangga, pagar pohon, tiang atau pokok dengan kapur, cat atau dengan apa cara sekalipun. Apa-apa tambahan yang tidak dibenarkan, kerosakan atau tanda boleh dialih oleh Majlis dan perbelanjaan yang dikenakan oleh kerananya hendaklah dibayar oleh orang yang telah engkar itu.
33. (1) Tiada sesiapa pun selain dari pekerja yang dibenarkan atau ejen Majlis boleh, tanpa kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu mengalih najis dari mana-mana tandas yang terletak di dalam kawasan di mana sistem pengalihan najis dipakai oleh Majlis.
- (2) Pemunya mana-mana tandas hendaklah, jika dikehendaki oleh Yang Dipertua membina dan mengatur semula tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.
- (3) Penghuni sesebuah rumah hendaklah, jika dikehendaki secara bertulis oleh Yang Dipertua, mengadakan atau membaharu baldi tandas dan alat-alat lain yang ukuran, bentuk dan bahan seperti yang dinyatakan oleh Yang Dipertua. Tandas baldi dan bahan-bahan yang lain boleh disediakan atau diperbaharui oleh Majlis dengan perbelanjaan penghuni yang kepadanya alat-alat tersebut dibekalkan, apabila penghuni itu gagal menyediakan atau membaharuiinya di dalam tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua secara bertulis.
- (4) Kemasukan secara bebas hendaklah dibenarkan ke setiap rumah dan bangunan di dalam kawasan pengalihan najis kepada ejen-ejen dan pekerja-pekerja Majlis untuk tujuan memungut dan mengalih najis di antara jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.
34. (1) Tiada sesiapa pun boleh mandi di dalam tempat kemudahan awam kecuali di tempat mandi yang dikhaskan untuk tujuan itu.
- (2) Tiada sesiapa pun boleh menggunakan mana-mana tempat kemudahan awam untuk tujuan membasuh pakaian.
35. Tiada sesiapa pun yang tidak diberi kebenaran boleh mengambil air untuk apa-apa tujuan sekalipun dari mana-mana tempat kemudahan awam.
36. Sesiapa yang menjadi tuan punya atau orang yang dalam jagaannya mana-mana lembu, kerbau, keldai, biri-biri, kambing atau babi, membenar binatang itu berada di atas mana-mana lebuh di dalam had kawasan Majlis atau membawa atau menyebabkan dibawa mana-mana binatang itu tinggal berada di atas mana-mana lebuh atau tempat awam atau harta persendirian di dalam kawasan Majlis adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.
37. Tiada najis, air kencing, ikan yang reput, bahan binatang yang busuk atau beras yang reput atau benda-benda lain yang mengeluarkan bau busuk boleh dibawa sepanjang atau di atas mana-mana lebuh di dalam kawasan Majlis melainkan di dalam bekas yang kedap udara dan kedap air yang diluluskan oleh Majlis.

Pelekat tidak boleh ditampal tanpa kebenaran.

Pengalihan najis.

Mandi atau membasuh pakaian di tempat awam.

Air dari tempat kemudahan awam.

Binatang di sepanjang lebuh dil.

Pengalihan benda yang mengeluarkan bau busuk.

Orang yang
mengalih benda
yang mengeluarkan
bau busuk.

38. Setiap orang yang mengalih mana-mana benda yang mengeluarkan bau busuk hendaklah menyediakan bekas tertentu dengan perbelanjaan mereka sendiri. Tiada bekas berkenaan yang mengandungi benda yang mengeluarkan bau busuk itu boleh dibawa melalui, di sepanjang atau di atas mana-mana lebuh di dalam kawasan Majlis kecuali bekas itu dikedap air dan bebas dari lubang-lubang dari mana kandungannya atau bau busuk boleh terlepas keluar dan kecuali penutup bekas itu ditutup dengan sempurna.

Penalti.

39. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Bayaran.

40. (1) Bayaran untuk mengalih sampah sarap tempat kediaman, sampah sarap perdagangan, sampah sarap kebun atau sampah sarap kandang atau untuk meletakkan apa-apa benda di dalam atau di atas mana-mana tempat pembuangan sampah Majlis atau menghisap najis hendaklah seperti di dalam Jadual tetapi Majlis boleh memindanya dari masa ke semasa.

(2) Semua kutipan hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Majlis Daerah Kulim.

Kompaun.

41. Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun apa jua kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini dengan mengutip dari orang yang melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak lebih daripada tiga ratus ringgit.

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 41(1))

RM

1. Mengangkat sampah:

(a) Bangunan kedai (termasuk pejabat-pejabat) 5.00 sebulan

(b) Bangunan perusahaan 5.00 sebulan

(c) Sampah perusahaan 15.00 sebulan
bagi satu tong sampah Majlis

RM

(d) Kompleks perniagaan	30.00 sebulan bagi satu tong sampah Majlis
(e) Bangunan hotel	
Kurang daripada 10 bilik	3.00 sebulan
Tambahan tiap-tiap 5 bilik atau sebahagian daripadanya	1.00 sebulan
(f) Tempat untuk lain-lain kegunaan	3.00 -10.00 sehari mengikut budi bicara Yang Dipertua

2. Sedut najis:

(a) Rumah kedai dan rumah kediaman (tangki najis)	50.00 seterip
(b) Tandas curah	
(i) Bayaran pemeriksaan—	
Kawasan bandar	5.00 sekali
Kawasan luar bandar	10.00 sekali
(ii) Sedut najis—	
Kawasan bandar	50.00 seterip
Kawasan luar bandar	60.00 seterip
(c) Mengangkat tong najis	30.00 setahun
(d) Tempat untuk lain-lain kegunaan	5.00-10.00 sehari mengikut budi bicara Yang Dipertua

Diperbuat pada 22 September 1993.
[Bil. MDK 900 Jld. 5 (26).]

HAJI HASHIM BIN HAJI ISMAIL,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim

Diluluskan pada 13 Mac 1997.
[PSU(K) 1098/1402.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

PUBLIC CLEANSING (KULIM DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1995

Act 171.

In exercise of the powers conferred by section 73 and 102 of the Local Government Act 1976, the Kulim District Council hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority hereby confirms the following By-Laws:

Citation
application and
commencement.

1. These By-Laws may be cited as the **Public Cleansing (Kulim District Council) By-Laws 1995** and shall apply only to the Kulim District Council area and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation.

2. In these By-Laws unless the context otherwise requires—

“Council” means Kulim District Council;

“foot way” includes five foot ways and verandahs at the sides of street;

“garden refuse” means the refuse from garden and agricultural activities;

“premises refuse” means refuse generated as a result of premises activities and does not include trade refuse, garden refuse or stable refuse;

“premises refuse container” means refuse container provided by the owner or occupier of a building for the purpose of depositing premises refuse;

“public convenience” means latrines, lavatories, toilets, urinals, water closets, wash basins, water tanks and baths as may be declared by the Council from time to time;

“public street” means any street over which the public has a right of way which was usually repaired or maintained by the Council or which has been transferred to or has become vested in it under any law or in any other manner;

“premises” includes messuages, houses, buildings, lands, tenements, easements, hereditaments of any tenure, whether open or enclosed, whether built on or not, whether public or private and whether maintained or not under Statutory Authority;

“stable refuse” means the dung or urine of horses, sheep, cattle, goat or swine, and the sweepings or refuse or drainage from any stables, or cattle-sheds or places of keeping sheep, goats, swine, poultry or any other animals;

“street” includes any road, square, foot way passage or service road whether a throughfare or not, over which the public have a right of way and also the way any bridge, and also includes any road, foot way or passage, open court or open alley, used or intended to be used as a means of access